



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 08 November 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Tarik Pengusaha Taska Daftar Operasi, Selangor Sedia Geran Hingga RM5,000 https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/07/tarik-pengusaha-taska-daftar-operasi-selangor-sedia-geran-hingga-rm5000/	FMT	Neutral
2.	189 Kanak-Kanak Dilaporkan Hilang Di Pahang https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/189-kanak-kanak-dilaporkan-hilang-di-pahang	Berita RTM	Neutral
3.	Bayi Tujuh Bulan Maut Dalam Buaian https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2024/11/132097/1/bayi-tujuh-bulan-maut-dalam-buaian https://www.utusan.com.my/berita/2024/11/bayi-meninggal-dunia-selepas-tidak-sedarkan-diri-di-rumah-pengasuh/ https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-tujuh-bulan-meninggal-dunia-di-rumah-pengasuh-495310 https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1152463/bayi-7-bulan-meninggal-dunia-dalam-buaian https://www.kosmo.com.my/2024/11/07/bayi-meninggal-dunia-dalam-buaian-rumah-pengasuh/	Berita Harian Utusan Astro Awani Harian Metro Kosmo	Neutral

	https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2360816 https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/07/bayi-7-bulan-meninggal-dunia-di-rumah-pengasuh/ https://www.youtube.com/watch?v=MjHty5VdtiM	Bernama FMT Berita Al-Hijrah	
4.	Wanita Parah Dirempuh Pemandu Sawan https://www.sinarharian.com.my/article/695171/berita/semasa/wanita-parah-dirempuh-pemandu-sawan#google_vignette https://www.kosmo.com.my/2024/11/07/wanita-parah-dirempuh-pemandu-diserang-sawan/#google_vignette	Sinar Harian Kosmo	Neutral
5.	Angkat Usahawan Wanita Sebagai Pemacu Ekonomi https://www.kosmo.com.my/2024/11/08/angkat-usahawan-wanita-sebagai-pemacu-ekonomi/	Kosmo	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

TARIK PENGUSAHA TASKA DAFTAR OPERASI, SELANGOR SEDIA GERAN HINGGA RM5,000

SHAH ALAM: Kerajaan Selangor akan memperkenalkan geran khas untuk pengusaha taska tidak berdaftar bagi mendaftarkan perkhidmatan dan operasi secara dalam talian, bermula Disember.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari, berkata menerusi geran khas itu, pengendali taska akan mendapat peruntukan maksimum RM5,000 daripada peruntukan keseluruhan RM400,000 disediakan.

“Setakat Julai lepas, jawatankuasa pemutihan untuk taska tidak berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor mengenal pasti terdapat 128 taska tidak berdaftar beroperasi di Selangor.

“Jumlah itu semakin menurun berbanding 407 pada tahun lepas dan 600 taska pada 2022 hasil program pemutihan yang dijalankan,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Penutup Program Advokasi Perkhidmatan Taska peringkat Negeri Selangor 2024.

Terdahulu, Anfaal dalam ucapannya pada majlis itu berkata banyak manfaat yang akan diperoleh oleh pengendali atau pengusaha taska yang berdaftar, antaranya pengecualian cukai serta insentif-insentif khas dari kerajaan.

“Begitu juga jika terdapat syarikat korporat yang berminat untuk membuat program tanggungjawab sosial korporat dan turun padang, pastinya taska berdaftar yang akan menjadi pilihan mereka,” katanya.

Anfaal berkata, setakat ini terdapat kira-kira 3,000 taska berdaftar dengan JKM di seluruh negara dengan 1,004 daripadanya adalah di Selangor.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, lima kawasan di negeri berkenaan merekodkan jumlah bilangan taska tertinggi iaitu Petaling, Hulu Langat, Subang Jaya, Shah Alam, dan Gombak.

BAYI TUJUH BULAN MAUT DALAM BUAIAN

NILAI: Seorang bayi lelaki berusia tujuh bulan dilaporkan meninggal dunia ketika dalam jagaan pengasuhnya di perumahan Kwarters KLIA dekat Bandar Enstek di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 12.30 tengah hari itu, bayi berkenaan ditemui tidak sedarkan diri dalam keadaan terlentang dalam buaian ketika cuba dikejutkan pengasuh.

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Abdul Malik Hasim, berkata pihaknya dihubungi Klinik Kesihatan Kwarters KLIA kira-kira jam 12.45 tengah hari, memaklumkan kejadian seorang bayi lelaki meninggal dunia.

"Bayi itu dibawa seorang pengasuh dari kawasan perumahan Kwarters KLIA ke klinik berkenaan.

"Siasatan awal polis mendapati mangsa bayi lelaki berumur tujuh bulan dijaga seorang pengasuh di kawasan kuarters perumahan itu.

"Pada jam 7.30 pagi, pengasuh dikatakan memasukkan mangsa ke dalam buaian selepas dihantar oleh ibu bapanya," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Ketika pengasuh berkenaan cuba mengejutkan bayi itu untuk dimandikan, katanya, beliau mendapati mangsa tidak sedarkan diri dalam keadaan terlentang dan kepala mendongak.

"Pemeriksaan awal pihak polis mendapati tiada kesan kecederaan fizikal pada tubuh badan mangsa.

"Mayat mangsa dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Rembau untuk bedah siasat dan keputusan bedah siasat mendapati tiada kesan kecederaan dalaman dan luaran manakala punca kematian tidak dapat ditentukan.

"Kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut. Orang ramai dinasihatkan untuk tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh mengganggu siasatan pihak polis," katanya.

WANITA PARAH DIREMPUH PEMANDU SAWAN

MELAKA - Seorang wanita cedera parah akibat dirempuh seorang pemandu wanita dipercayai diserang sawan di Taman Sutera Wangi, Batu Berendam di sini, pada pagi Selasa.

Dalam kejadian kira-kira jam 7.15 pagi, wanita berusia 38 tahun itu sedang berkebun di hadapan rumahnya.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit berkata, bagaimanapun secara tiba-tiba sebuah kereta jenis Toyota Yaris dipandu wanita berusia 29 tahun itu telah hilang kawalan ketika melalui Jalan SW 29 lalu merempuh mangsa.

"Siasatan awal mendapati pemandu terbabit disyaki mengalami sawan menyebabkan kereta dipandu melulu ke arah mangsa.

"Akibat rempuhan itu mangsa terperosok di bawah kenderaan namun berjaya dikeluarkan oleh orang awam ketika polis sampai sebelum dikejarkan ke hospital untuk rawatan lanjut," katanya ketika dihubungi di sini pada Rabu.

Tambahnya, mangsa yang mengalami patah tangan, kaki, pinggul ditempatkan di unit rawatan rapi (ICU) Hospital Melaka dan setakat ini kedua-dua pihak belum membuat laporan polis.

Jelasnya, difahamkan ketika kejadian pemandu terbabit bukanlah penduduk di taman berkenaan namun menggunakan jalan itu sebagai jalan pintas.